

18/02/1998

Shahrulneeza yakin catat masa memuaskan

PAKAR ujian masa Time-Telekom Malaysia, Shahrulneeza Razali, tidak berasa tertekan dengan harapan tinggi yang diletakkan oleh jurulatih kebangsaan, Ng Joo Ngan, ke bahunya menjelang perlumbaan pembuka tirai 17.7km ujian masa individu Le Tour de Langkawi (LTDL) 1998, hari ini.

Pemenang pingat gangsa acara 40km ujian masa individu di Sukan Sea Jakarta, Oktober lalu itu berkata dia akan memberikan yang terbaik dan yakin mencatat masa memuaskan.

Buat pertama kali, katanya, dia lebih yakin dan bersedia dari segi fizikal dan mental menjelang sesuatu kejohanan.

Menurut pelumba berusia 28 tahun itu, latihan keras dan lasak yang dilaksanakan oleh Joo Ngan sejak enam minggu lalu juga membantunya sehingga mampu mengembalikan rentak kayuhan yang pernah memberikannya gelaran Raja Bukit dua tahun lalu.

"Saya akan berusaha memberikan yang terbaik tetapi sukar menjangka harapan kerana jarak acara ujian masa kali ini lebih pendek. Mungkin ia memberi lebih kelebihan kepada pelumba yang memiliki kemampuan melakukan pecut.

"Lagipun, laluan untuk perlumbaan esok (hari ini) tidak begitu mencabar kerana tidak banyak selekoh tajam atau laluan berbukit," katanya.

Acara peringkat pertama daripada 12 peringkat dalam LTDL kali ini membabitkan perlumbaan ITT sejauh 17.7km dari Datai ke pekarangan Berjaya Western Health & Spa Resorts sebelum pelumba beralih ke Kangar untuk perlumbaan peringkat kedua ke Pulau Pinang.

Walaupun baru diserapkan ke dalam Projek Jaya '98 pada April tahun lalu, Shahrulneeza yang mula mewakili negara dalam Sukan Sea 1987 kini menjadi antara sandaran utama Joo Ngan.

Ketika rakan seangkatannya seperti Haris Fadzillah Osman terlepas peluang untuk beraksi dalam perlumbaan ketiga berprestij dunia itu, Shahrulneeza berbangga menjadi pelumba yang dapat menyaingi M Kumaresan, Tsen Seong Hoong dan Nor Effandy Rosli.

Pelumba yang bertugas dengan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) itu mengakui cuaca panas ketika perlumbaan ITT itu nanti bukan penghalang besar kepada pelumba asing kerana jaraknya yang pendek.

"Bagaimanapun, saya berharap ia memberi kelebihan kepada saya selaku pelumba tuan rumah yang sudah biasa dengan laluan itu selepas dapat berkayuh di sekitarnya sejak lima hari lalu," katanya.

Semalam, pelumba negara meneruskan kayuhan ringan di sekitar laluan perlumbaan sebelum menerima kata-kata semangat daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, selepas majlis makan tengah hari di Langkawi.

(END)